

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 22.11.2016 (SELASA)

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan setakat mana Gerakan Koperasi Sekolah dapat menyemai kemahuan menceburi bidang perniagaan dan menjadikan keusahawanan di kalangan murid-murid sekolah sebagai kerjaya bila tamat persekolahan. Apakah halangan dan cabaran untuk mencapai matlamat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi galakan kepada sekolah-sekolah untuk menubuhkan koperasi sekolah yang bertujuan untuk mewujudkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Sehingga kini, terdapat **2,349 koperasi sekolah** dengan keanggotaan berjumlah **2 juta orang**, modal syar berjumlah **RM23.77 juta**, aset bernilai **RM308.64 juta** dan perolehan berjumlah **RM338.94 juta**.

Budaya keusahawanan pelajar sekolah berkoperasi dapat dipupuk dengan penglibatan mereka dalam mengendalikan pengurusan kedai koperasi yang melibatkan urusan pengurusan akaun dan pengurusan perniagaan secara berterusan. Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah ialah kedai runcit, kedai dobi, *homestay* dan kedai alat tulis.

Bagi menyemarakkan lagi budaya keusahawanan dan inovasi dalam kalangan pelajar sekolah, program pembudayaan keusahawanan koperasi sekolah diadakan pada setiap tahun. Usaha ini telah berjaya mencungkil bakat keusahawanan pelajar melalui perancangan perniagaan yang mengambil kira risiko perniagaan, promosi, jualan dan pembahagian keuntungan serta inovasi.

Di samping itu, SKM dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Unit Teraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah menganjurkan program '*Hi-Per Student Co-operatives*' yang mengetengahkan keusahawanan koperasi di peringkat sekolah dan

Institut Pengajian Tinggi bagi memilih projek terbaik. Sebanyak 77 koperasi telah menyertai program dan sebanyak 10 projek akan dipertandingkan di peringkat akhir. Antara produk yang telah dihasilkan ialah Ez-Pump, '*Brainy Moo Choco Drinks*' dan penghasilan baja organik.

Halangan atau cabaran utama ke arah menyemai kemahuan murid-murid sekolah menceburi bidang perniagaan ialah dari segi meningkatkan minat, kesediaan dan kecenderungan mereka untuk memilih dan menceburi bidang keusahawanan sebagai pilihan atau alternatif kerjaya setelah menamatkan persekolahan.